



Jurnal Qiraat
 Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
 Universiti Islam Selangor (UIS)
 Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
 2025, Vol 8, Bil 1, Halaman 49-58

Wacana Ilmuwan al-Qur'an Terhadap Hukum *Tarkīb al-Qirā'āt*

Perspectives of Qur'anic Scholars on the Legal Permissibility of Tarkīb al-Qirā'āt

Mohd Fairuz A. Adi^{1*}, Mohd Ikram Md Nawī², Muhammad Zaid Samsul Kamar³ & Mohamad Redha Mohamad⁴

^{1,2,3} Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000 Kajang

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara, Seremban, Negeri Sembilan.

*Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000 Kajang, m.fairuz@uis.edu.my, 0132081291, ORCID ID: 0000-0003-1371-4291

Artikel dihantar: 13 Jun 2025

Artikel diterima: 25 Jun 2025

Artikel diterbitkan: 30 Jun 2025

ABSTRACT

Tarkīb al-qirā'āt, the practice of combining two or more variations of Qur'anic recitation within a single verse or word, is a significant issue in the field of 'Ulūm al-Qur'ān (Qur'anic Sciences). This practice has sparked considerable legal discourse among scholars due to the conflict between the principle of diverse recitations and the need to preserve the authenticity of each transmission (riwayah). Accordingly, this study aims to identify the views of scholars and analyze their arguments regarding the permissibility of this practice. The findings show that scholarly opinions are divided into three main categories: (1) those who permit it conditionally, based on the principle that all authentic recitations are divine revelation; (2) those who prohibit it to preserve the integrity of the chain of transmission (sanad) and the discipline of riwayah; and (3) those who adopt a detailed (tafsili) approach, allowing it as long as it does not violate Arabic grammatical structure or alter the meaning of the verse. This tafsili view is seen as a middle path that harmonizes the requirements of transmission with the flexibility of Shari'ah in the practice of recitation. Nevertheless, Muslims are encouraged to continually enhance their knowledge of the discipline and skills of Qur'anic recitation that are customary in their locality, as a means of preserving the Qur'anic transmission and as a form of appreciation for the scholars who have safeguarded the Islamic heritage (turath).

Keywords: *Tarkīb al-qirā'āt, talftq, jamak qiraat, qiraat*

ABSTRAK

Tarkīb al-qirā'āt, iaitu amalan menggabungkan dua atau lebih variasi bacaan al-Quran dalam satu ayat atau kalimah, merupakan isu penting dalam bidang 'Ulūm al-Qur'ān. Amalan ini telah menimbulkan perbincangan hukum yang signifikan dalam kalangan ulama disebabkan percanggahan antara prinsip kepelbagaian qiraat dengan keperluan menjaga keaslian setiap riwayat. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pandangan para ulama dan menganalisis hujah-hujah mereka berkaitan keharusan amalan ini. Hasil kajian menunjukkan pandangan ulama terbahagi kepada tiga kategori utama: (1) golongan yang mengharuskan secara bersyarat, berlandaskan prinsip bahawa

semua qiraat yang sah adalah wahyu; (2) golongan yang melarangnya bagi memelihara integriti sanad dan disiplin riwayat; dan (3) golongan yang mengambil pendekatan terperinci (*tafsili*), yang membenarkannya selagi tidak merosakkan struktur tatabahasa Arab atau mengubah makna ayat. Pandangan *tafsili* ini dilihat sebagai jalan tengah yang menyelaraskan antara keperluan riwayat dan keluasan syariat dalam amalan tilawah. walaubagaimanapun umat Islam seharusnya sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan tentang disiplin dan kemahiran bacaan al-Quran yang menjadi kebiasaan pada sesuatu tempat sebagai satu bentuk penjagaan riwayat al-Quran dan jupa merupakan satu bentuk penghargaan kepada ulama yang menjaga turath Islam

Kata kunci: *Tarkīb al-qirā'āt, talfīq, jamak qiraat, qiraat*

How to Cite: A. Adi, M. F., Md Nawī, I. ., & Mohamad, M. R. (2025). Wacana Ilmuwan al-Qur'an Terhadap Hukum Tarkīb al-Qirā'āt: Perspectives of Qur'anic Scholars on the Legal Permissibility of Tarkīb al-Qirā'āt . *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 8(1), 49–58.

DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v8i1.96>

1.0 PENGENALAN

Tarkīb al-qirā'āt merujuk kepada amalan mencampurkan dua atau lebih bentuk bacaan al-Qur'an dalam satu kalimah atau ayat, sama ada secara terancang mahupun tidak. Dalam sejarah bacaan al-Qur'an, qiraat yang sah hanya diterima melalui sanad yang mutawatir serta mematuhi disiplin riwayat yang ketat. Namun demikian, perkembangan amalan pembacaan al-Qur'an pada era kontemporari sama ada dalam konteks pengajaran, persembahan tilawah, mahupun hafazan telah memperlihatkan kecenderungan untuk mencampuradukkan antara pelbagai bentuk bacaan. Fenomena ini menimbulkan perbincangan dalam kalangan sarjana Islam berhubung sejauh mana amalan tersebut dibenarkan menurut prinsip qiraat, di samping kesan yang timbul terhadap keabsahan bacaan, khususnya apabila melibatkan konteks ibadah.

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis pandangan para ilmuwan al-Qur'an terhadap hukum *tarkīb al-qirā'āt* dengan meneliti sumber-sumber utama klasik dan kontemporari. Perbincangan akan difokuskan kepada kategori pandangan ulama, hujah-hujah yang dikemukakan, serta pendekatan yang digunakan dalam menilai amalan ini. Selain itu, makalah ini turut menilai bagaimana isu *tarkīb al-qirā'āt* mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran qiraat di institusi pengajian, serta menyorot keperluan mengekalkan disiplin sanad dalam amalan bacaan al-Qur'an.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

- I. Mengetahui pendapat ulama berkaitan isu *tarkīb al-qirā'āt*.
- II. Menganalisis hujah-hujah yang dikemukakan.

3.0 METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan metode analisis kandungan sebagai teras utama. Data primer dikumpulkan daripada pelbagai sumber bertulis, khususnya karya-karya ilmuwan al-Qur'an klasik dan kontemporari yang membahaskan hukum *tarkīb al-qirā'āt*. Setiap pandangan ulama yang relevan dikenal pasti, diekstrak, dan kemudiannya disusun secara sistematik mengikut tahun kewafatan para ulama yang terlibat.

Proses analisis melibatkan perbandingan antara pandangan-pandangan tersebut untuk mengenal pasti persamaan, perbezaan, landasan hujah, serta syarat-syarat yang dikemukakan. Data yang telah dikumpul dan



dibandingkan ini seterusnya dikategorikan mengikut tema-tema tertentu bagi memudahkan pemahaman terhadap sudut pandang dan perbincangan mengenai isu *tarkīb al-qirā'āt* dalam kalangan sarjana Islam.

4.0 KONSEP *TARKĪB AL-QIRĀ'ĀT*

Dari segi bahasa, istilah *tarkīb* berasal daripada akar kata Arab “ر-ك-ب” yang bermaksud menyusun, menggabungkan, atau menggabungkan sesuatu secara berturutan (Ibn Manzūr, 1990). Dalam konteks periwayatan qiraat, *tarkīb* merujuk kepada penggabungan dua atau lebih riwayat bacaan yang berbeza dalam satu struktur ayat atau kalimah. Ibn al-Jazarī (t.th) mendefinisikan *tarkīb* sebagai penyatuan dua bacaan berlainan dalam satu kalimah, sama ada dengan memulakan bacaan menggunakan satu riwayat dan mengakhirinya dengan riwayat yang lain. Definisi ini menegaskan bahawa amalan *tarkīb* bukan sekadar perubahan lafaz dalam qiraat, tetapi merupakan suatu bentuk campuran yang berkaitan dengan riwayat qiraat yang bersanad.

Al-Hadi Qabah (1999) menerangkan definisi *tarkīb al-qirā'āt* iaitu mencampurkan sebahagian qiraat dengan sebahagian yang lain, dan beralih daripada satu qiraat kepada qiraat yang lain semasa tilawah tanpa pengulangan atau pengulangan aspek-aspek perbezaan (*awjuh al-khilāf*). Bahkan, qari yang melakukan *tarkīb* membaca satu ayat, sebahagiannya, atau lebih daripadanya dengan satu qiraat, kemudian beralih selepas itu kepada qiraat yang berikutnya mengikut qiraat qari yang lain. Ini adalah apa yang dinamakan oleh sebahagian mereka sebagai "*talfiq al-qirā'āt*" dan sebahagian lain menamakannya sebagai "*khalaf al-qirā'āt*".

Tarkīb al-qirā'āt boleh berlaku antara perawi dalam kalangan imam yang sama, contohnya *tarkīb* antara riwayat hafs dengan riwayat shu'bah di mana kedua-dua perawi ini dibawah sanad yang sama iaitu imam 'Asim. Keadaan kedua *tarkīb al-qirā'āt* antara percampuran riwayat yang melangkaui perawi dari berlainan imam, contohnya percampuran riwayat antara riwayat Qalun dengan Qunbul yang mana diketahui bahawa Qalun di bawah sanad Imam Nafi' sementara Qunbul di bawah sanad imam Ibn Kathir (Salim, 2022)

Al-Hadi Qabah (1999) turut membezakan *tarkīb* dengan *jam' al-qirā'āt*, yang mana *jam' al-qirā'āt* bertujuan untuk mendatangkan aspek-aspek perbezaan (*awjuh al-khilāf*) pada satu tempat (kalimah) dan menyambungkan (*atf*) sebahagiannya kepada sebahagian yang lain mengikut salah satu kaedah *jam'* yang sedia maklum. Maka, dalam *tarkīb*, tiada pengulangan, sebaliknya terdapat peralihan daripada satu qiraat kepada qiraat yang lain tanpa penyambungan (*atf*) bagi aspek-aspek perbezaan pada satu tempat (kalimah). Menurut Ummi Kalsom dan Zainora (2023) setiap pembaca al-Quran Qiraat dengan menggunakan kaedah jamak perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan supaya tidak berlaku kesalahan dalam bacaan al-Quran. Antara kesalahan dalam jamak adalah *tarkīb al-qirā'āt*

Ibrahim al-Dawsari (2008) pula mendefinisikan *tarkīb al-qirā'āt* berpindah atau bergerak antara qiraat-qiraat ditengah bacaan tanpa mengulangi bagi wajah-wajah yang khilaf. Tanpa iltizam dengan riwayat tertentu seperti membaca “وهو” dengan *dammah* pada huruf ha kemudian membaca dengan *sukun* pada tempat seterusnya. Istilah

lain yang digunakan bagi *tarkīb* ialah *خلط تركيب تلفيق*.

Menurut Syeikh al-Dhabba' (2007), *tarkīb* boleh terjadi kerana ketidaktahuan para pembaca tentang perbezaan *tariq* dan kekurangan asas yang kuat tentang pengetahuan *tariq* tersebut. Sebelum membaca al-Qur'an, para qurra' harus menguasai dasar-dasar *tariq* yang akan digunakan dalam membaca al-Qur'an.

Tarkīb dalam *qirā'āt* menimbulkan perdebatan dalam kalangan ulama kerana ia melibatkan penggabungan bacaan yang berbeza dalam satu kalimah, yang berpotensi mengubah makna atau struktur ayat secara tidak disengajakan (Ikmal Zaidi & Ahmad Syahir, 2022). Hal ini berbeza dengan prinsip asas qiraat yang menekankan kesinambungan sanad dan keutuhan riwayat dalam setiap bacaan, sebagaimana yang ditekankan oleh ulama seperti Ibn al-Jazari dalam karya-karyanya. Oleh itu, pengamalan *tarkīb* memerlukan perhatian yang teliti agar tidak menjejaskan kesahihan bacaan al-Qur'an, terutama dalam konteks ibadah yang memerlukan bacaan yang tepat dan terjaga sanadnya Pendekatan ini juga menuntut kefahaman mendalam terhadap ilmu *qirā'āt* dan disiplin riwayat agar amalan bacaan tidak menjadi campur aduk yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembaca dan pendengar

5.0 SEJARAH PANDANGAN ULAMA TERHADAP HUKUM *TARKĪB AL-QIRĀ'ĀT*

Para ulama berbeza pendapat mengenai hukum *tarkīb al-qirā'āt*. Sebahagian mereka menyatakannya dengan ungkapan yang jelas tentang pengharaman, sebahagian lain dengan ungkapan yang menunjukkan larangan mutlak yang merangkumi pengharaman, kemakruhan, dan *khilāf al-awlā* (menyalahi yang lebih utama), dan sebahagian yang lain pula dengan apa yang menunjukkan keharusan.

Terdapat 12 pandangan ulama mengenai *tarkīb al-qirā'āt* yang berjaya dikumpul dan mendapati mereka mula memberi perhatian kepada perkara ini seawal kurun ke empat yang dimulai oleh Abu Bakr Ibn Arabi (543H) dan berlanjutan hingga ke kurun 10 oleh syeh Azmiri (1165H). Berikut adalah pandangan mereka yang diambil dalam kitab *Hukm Tarkīb al-Qirā'āt* oleh Mahmud Abd Fattah Khalil al-Aqilah (t.th) dan kitab *al-Qiraat al-Qur'āniyyah* oleh Abd Halim al-Hadi Qabah (1999):

5.1 Abu bakar Ibn Arabi (543H)

Beliau menyatakan dua pendapat dalam karya beliau *Ahkām al-Qur'ān*. Pertama:

والذي أختاره لنفسى - إذا قرأت - أكثر الحروف المنسوبة إلى قالون، إلا الهمز؛ فإني أتركه أصلاً، إلا فيما يحيل المعنى، أو يلبسه مع غيره، أو يسقط المعنى بإسقاطه. ولا أكسر باء "بيوت" ولا عين "عيون"؛ فإن الخروج من كسر إلى ياء مضمومة لم أقدر عليه. ولا أكسر ميم "مت". وما كنت لأمد مد حمزة ولا أقف على الساكن وقفته. ولا أقرأ بالإدغام الكبير لأبي عمرو ولو رواه في تسعين ألف قراءة، فكيف في رواية بحرف من سبعة أحرف؟! ولا أمد ميم ابن كثير. ولا أضم هاء "عليهم" و"إليهم" وذلك أخف. وهذه كلها أو أكثرها عندي لغات لا قراءات؛ لأنها لم تثبت منها عن النبي صلى الله عليه وسلم شيء، وإذا تأملتها رأيتها اختيارات مبنية على معان ولغات.

Dan kedua,

إذا ثبتت القراءات، وتقيدت الحروف فليس يلزم احدا ان يقرأ بقراءة شخص واحد، كنافع مثلاً، او عاصم؛ بل يجوز له ان يقرأ الفاتحة فيتلو حروفها على ثلاث قراءات مختلفات؛ لان الكل قرآن.

5.2 Al-Muhyidin Al-Nawawi (631H)

إذا ابتداءً - القاريء - بقراءة أحد القراء فينبغي أن لا يزال على القراءة بها ما دام الكلام مرتباً، فإذا انقضى ارتباطه فله أن يقرأ بقراءة آخر من السبعة، والأولى دوامه على الأولى في هذا المجلس

5.3 Abu al-Hasan, Ali Al-Sakhawi (643h)

وخلط هذه القراءات بعضها ببعض خطأ

5.4 Abu 'Amr Usman, Ibn al-Salah (643H)

إذا شرع القاريء بقراءة فينبغي أن لا يزال يقرأ بها ما بقي للكلام تعلق بما ابتداءً به

5.5 Abu 'Amr Uthman Ibn al-Hajib (646H)

وأما القراءة بالقراءات المختلفة في آي العشر الواحد فالأولى أن لا يفعل، نعم، إن قرأ بقراءتين في موضع إحداهما مبنية على الأخرى، مثل أن يقرأ "نغفر لكم بالنون" و"خطيئاتكم بالرفع"، ومثل "إن تضل إحديهما بالكسر" فتذكر إحديهما "بالنصب"، فهذا أيضا ممتنع، وحكم المنع كما تقدم، والله أعلم.

5.6 Abu Syamah al-Maqdisi (665H)

المنع من هذا ظاهر، وأما ما ليس كذلك فلا منع منه، فإن الجميع جائز، والتخيير في هذا، وأكثر منه كان حاصلًا بما ثبت من إنزال القرآن على سبعة أحرف توسعة على القراءة، فلا ينبغي أن يضيق بالمنع من هذا ولا ضرر فيه، نعم، أكره تردد الآية بقراءات مختلفة كما يفعله أهل زماننا في جميع القراءات لما فيه من الابتداع، ولم يرد في شيء عن المتقدمين. وقد بلغني كراهته عن بعض متصديري المغاربة المتأخرين، والله أعلم

5.7 Ibn Taimiyah (728H)

وسئل عن رجل يصلي يقوم وهو يقرأ بقراءة الشيخ أبي عمرو فهل إذا قرأ لورش أو لنافع باختلاف الروايات، مع حمله قراءته لابي عمرو يأثم أو تنقص صلاته أو ترد؟ فأجاب: يجوز ان يقرأ بعض القرآن بحرف أبي عمرو وبعضه بحرف نافع، وسواء كان ذلك في ركعة أو ركعتين، وسواء كان خارج الصلاة أو داخلها.

5.8 Abu Ishaq, Ibrahim al-Ja'bari: (732H)

وقال الجعبري هو ممتنع في كلمة، وكذا في كلمتين إن تعلق إحداهما بالأخرى وإلا كره

5.9 Muhammad bin Yusuf, Ibn al-Jazari (833H)

والصواب عندنا في ذلك التفصيل والعدول بالتوسط الى سواء السبيل فنقول ان كانت احدى القراءتين مترتبة على الاخرى فالمنع من ذلك منع تحريم كمن يقرأ فتلقى ادم من ربه كلمات بالرفع فيهما او بالنصب اخذا رفع ادم من قراءة غير ابن كثير ورفع كلمات من قراءة ابن كثير ونحو وكفلها زكريا بالتشديد مع الرفع او عكس ذلك ونحو اخذ ميثاقكم وشبهه مما يركب بما لا تجيزه العربية ولا يصح في اللغة واما ما لم يكن كذلك فانا نفرق فيه بين مقام الرواية وغيرها فان قرأ بذلك على سبيل الرواية فانه لا يجوز ايضا من حيث انه كذب في الرواية وتخليط على اهل الدراية وان لم يكن على سبيل النقل بل على سبيل القراءة والتلاوة فانه جائز صحيح مقبول لا منع منه ولا حظر وان كنا نعيبه على ائمة القراءات العارفين باختلاف الروايات من وجه تساوي العلماء بالعوام لا



من وجه ان ذلك مكروه او حرام اذ كل من عند الله نزل به الروح الامين على قلب سيد المرسلين تخفيفا عن الامة وتهوينا على اهل هذه الملة فلو اوجبنا عليهم قراءة كل رواية على حدة لشق عليهم تمييز القراءة الواحدة وانعكس المقصود من التخفيف وعاد بالسهولة الى التكليف.

5.10 Ibn Hajar Al-Asqalani (852H)

وقد شاع في زماننا من طائفة من القراء إنكار ذلك حتى صرح بعضهم بتحريمه فظن كثير من الفقهاء أن لهم في ذلك معتمدا فتابعوهم وقالوا: أهل كل فن أدري بفنهم، وهذا ذهول ممن قاله، فإن علم الحلال والحرام إنما يتلقى من الفقهاء، والذي منع ذلك من القراء إنما هو محمول على ما إذا قرأ برواية خاصة فإنه متى خلطها كان كاذبا على ذلك القارئ الخاص الذي شرع في إقراء روايته، فمن أقرأ رواية لم يحسن أن ينتقل عنها إلى رواية أخرى كما قاله الشيخ محيي الدين، وذلك من الأولوية لا على الحتم، أما المنع على الإطلاق فلا، والله أعلم.

5.11 Abu al-Qasim Al-Nuwairi (857H)

والقراءات بخلط الطرق وتركيبها حرام أو مكروه أو معيب

5.12 Shihab al-Din al-Qastallani (923H)

فلينظر ما في ذلك من الخلاف اصولا وفرشا، فما أمكن فيه التداخل اكتفى منه بوجه وما لم يكن فيه نظر، فإن أمكن عطفه عطفه، وإلا رجع إلى موضع ابتداء حتى يستوعب الأوجه كلها من غير إهمال ولا تركيب وولا إعادة ما دخل فإن الأول ممنوع والثاني مكروه والثالث معيب

4.13 Ahmad bin Ahmmad al-Tibi (981H)

تحريم التركيب عند التعلق وأثناء الرواية وكراهة فيما عدا ذلك

4.14 Mustafa Azmiri (1165H)

التركيب... حرام في القرءان على سبيل الرواية أو مكروه كراهة التحريم على ما حققه أهل الدراية

6.0 ANALISIS DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pandangan ulama terbahagi kepada tiga dalam *tarkīb al-qirā'āt* iaitu :

6.1 Keharusan kerana Prinsip Asas al-Qur'an

Sebahagian ulama mengharuskan *tarkīb al-qirā'āt* dengan syarat-syarat tertentu, berlandaskan prinsip bahawa semua qiraat yang sah adalah al-Qur'an dan Allah SWT menurunkan al-Quran beserta qiraat untuk memudahkan umat Islam membacanya pada mana-mana wajah yang diturunkan. Ia berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam sahihnya:

سَمِعْتُ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، يَقُولُ: سَمِعْتُ هِشَامَ بْنَ حَكِيمِ بْنِ حِزَامٍ، يَقْرَأُ سُورَةَ الْفُرْقَانِ عَلَى غَيْرِ مَا أَقْرَأُهَا، وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَقْرَأَئِهَا، وَكَدْتُ أَنْ أَعْجَلَ عَلَيْهِ، ثُمَّ أَمَهَلْتُهُ حَتَّى أَنْصَرَفَ، ثُمَّ لَبَبْتُهُ بِرِدَائِهِ، فَجِئْتُ بِهِ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ، فَقُلْتُ: إِنِّي سَمِعْتُ هَذَا يَقْرَأُ عَلَى غَيْرِ مَا أَقْرَأْتِنِيهَا، فَقَالَ لِي: أَرْسَلْتُهُ، ثُمَّ قَالَ لِي: أَقْرَأْ، فَقَرَأَ، قَالَ: هَكَذَا أَنْزَلْتُ، ثُمَّ قَالَ لِي: أَقْرَأْ، فَقَرَأْتُ، فَقَالَ: هَكَذَا أَنْزَلْتُ إِنَّ الْفُرْقَانَ أَنْزَلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ، فَاقْرَأُوا مِنْهُ مَا تَيَسَّرَ.

Antara ulama yang mengharuskan *tarkīb al-qirā'āt* ialah seperti nama-nama di bawah:

- **Abu Bakar Ibn al-'Arabi (543H)** dalam pendapat kedua-dua pendapatnya menyatakan keharusan membaca surah al-Fatihah dengan mencampurkan huruf daripada tiga qiraat yang berbeza, dengan alasan "kerana kesemuanya adalah al-Qur'an." Ini menunjukkan prinsip keharusan umum selagi mana qiraat tersebut *thabit* (sahih). Beliau membenarkan penggunaan pelbagai qira'at selagi tidak mengubah makna serta menegaskan sebahagian qira'at merupakan 'bahasa' bukan semata-mata riwayat.
- **Abu Syamah al-Maqdisi (665H)** berpendapat bahawa selain daripada kes yang jelas dilarang (seperti yang merosakkan makna ayat atau melanggar prinsip nahu), maka *tarkīb* adalah harus. Beliau mengaitkannya dengan penurunan al-Qur'an atas tujuh huruf sebagai satu bentuk *tausi'ah* atau bentuk kemudahan kepada umat Islam, justeru tidak wajar ia disempitkan dengan larangan yang tidak berasas. Beliau berpendapat bahawa tiada larangan gabungan bacaan; bahkan menganggangannya sebagai keluasaan daripada konsep tujuh huruf al-Quran.
- **Ibn Taimiyah (728H)** secara jelas mengharuskan seseorang membaca sebahagian al-Qur'an dengan *harf* (cara bacaan) Abu 'Amr dan sebahagian lagi dengan *harf* Nafi', sama ada dalam satu rakaat atau dua, di dalam solat mahupun di luarnya. Ini menunjukkan keharusan yang lebih luas tanpa banyak sekatan.

6.2. Larangan Disebabkan Percampuran Riwayat

Tiada larangan khusus dari al-Quran mahupun sunnah Nabi SAW tentang *tarkīb al-qirā'āt*. Namun sebahagian ulama meletakkan larangan kerana mencampurkan jalan periwayatan. Antara ulama yang melarang *tarkīb al-qirā'āt* ialah seperti di bawah:

- **Ali al-Sakhawi (643H) dan Ibn Salah (643H)** secara ringkas menyatakan bahawa mencampurkan qiraat adalah satu kesalahan (*khata'*).
- **Al-Nuwairi (857H)** mengkategorikan perbuatan mencampur *turuq* (jalan periwayatan qiraat) dan *tarkīb* sebagai haram, makruh, atau *mu'tb* (cacat).
- **Ibn Hajar al-Asqalani (852H)** menyokong pandangan ini, menjelaskan bahawa larangan daripada sesetengah qari adalah terpakai apabila seseorang membaca mengikut riwayat khusus, kerana mencampurkannya akan menjadi pendustaan atas nama qari tersebut.
- **Al-Nawawi (631H) dan Ibn al-Salah (643H)** berpendapat bahawa jika seseorang qari memulakan bacaan dengan satu qiraat, sewajarnya dia tidak beralih daripadanya selagi *kalam* (ayat atau perbahasan) masih bersambung. Jika kaitan *kalam* telah selesai, maka dia boleh beralih kepada qiraat lain. Al-Nawawi menambah bahawa yang lebih utama (*awla*) adalah meneruskan bacaan dengan qiraat yang awal dalam satu majlis.

- **Azmiri (1165H)** menyatakan *tarkīb* adalah haram dalam al-Qur'an atas jalan riwayat, atau *makruh karāhah al-tahrīm* (makruh yang menghampiri haram) menurut ahli *dirayah*.
- **Imam al-Tibi (981H)** mengharamkan *tarkīb* ketika ada kaitan (*ta'alluq*) makna/tatabahasa dan semasa meriwayatkan (*athnā' al-riwāyah*), dan memakruhkannya selain daripada itu.

6.3 Pandangan Terperinci (*Tafṣīli*) antara larangan dan keharusan

Ulama yang berpegang dengan pendapat ini masih memberi ruang keharusan dalam isu *tarkīb* selagi tidak melanggar integriti makna dan tatabaha Arab. Antara mereka adalah seperti di bawah:

- **Ibn al-Jazari (833H)** mengambil pendekatan *tafsiliyyah*, iaitu pengharusan diberikan jika *tarkīb* tidak bercanggah dengan kaedah bahasa Arab dan maqasid al-Quran.
- **Shihab al-Din al-Qastallani (923H)** menasihatkan agar meneliti perbezaan *usul* dan *farsh*. Beliau memberikan panduan untuk mengelakkan *tarkīb* yang salah, dengan menyatakan bahawa *tarkīb* yang merosakkan adalah *mamnū'* (dilarang), yang melibatkan pengulangan tidak perlu adalah *makrūh*, dan yang melibatkan kecuiaan adalah *mu'ib* (tercela).
- **Ibn Hajib (646H)** melarang *tarkīb* jika satu bacaan dibina di atas bacaan lain dalam konteks ayat yang berkaitan sehingga merosakkan struktur nahu (contohnya: membaca "نغفر لكم" dengan huruf nun tetapi "خطيئاتكم" dengan baris depan huruf ta'). Beliau menganggap ini sebagai *mumtani'* (terlarang).
- **Abu Ishaq al-Ja'bari (732H)** juga menyatakan ia *mumtani'* (terlarang) dalam satu kalimah, atau dua kalimah yang saling berkaitan dari segi nahu; selain itu ia *makruh*.

7.0 KESIMPULAN

Berdasarkan apa yang dizahirkan oleh para ulama dalam perbincangan di atas, kita dapat simpulkan bahawa *tarkīb al-qirā'āt* terjadi pada dua keadaan:

- Ketika membaca al-Quran yang mengkhususkan riwayat-riwayat tertentu. Sebagai contoh, ketika membaca riwayat hafs daripada 'Asim, ketika membaca riwayat Qunbul daripada Ibn Kathir, al-Duri daripada Abu ' dan Amr dan sebagainya.

Oleh yang demikian, para qari atau pembaca dilarang mencampurkan adukkan bacaan. Ketika mana seseorang qari memulakan bacaan Hafs, maka beliau tidak boleh mencampurkan bacaan Hafs serta disiplin-disiplin yang terdapat dalam bacaan tersebut dengan perawi lain termasuk perawi yang sama sanad dengan Hafs iaitu Syu'bah. Kebiasaannya keadaan ini adalah di dalam majlis Ilmu atau pengajian yang melibatkan antara pelajar dan *masyāikh* atau para guru. Pemantauan akan dilakukan oleh *masyāikh* terhadap bacaan para para penuntut.

- Ketika membaca al-Quran tanpa menentukan riwayat-riwayat qiraat tertentu. Ia sekadar *tilāwah* atau *qirā'ah* sahaja. Kebiasaannya keadaan ini terjadi pada orang awam yang membaca al-Quran dengan niat meraih pahala dari sebutan huruf sepertimana yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada sesiapa membaca akan diberikan sepuluh *hasanah* bagi setiap huruf. Dalam keadaan ini terdapat dua pendapat ulama iaitu:
 - Haram, sekiranya *tarkīb al-qirā'āt* melanggar prinsip tatabahasa Arab seterusnya merosak dan menghilangkan makna ayat. Sebagai contoh membaca ayat 73 suirah al-Baqarah:

(فتلقى آدم من ربه كلمات)

Iaitu membaca kedua-dua kalimah yang bergaris dengan bacaan marfu' iaitu *dammah* pada kalimah (ءادم) dan (كلمات). Dengan meletakkan *dammah* pada kedua-dua kalimah tersebut memberi kerosakan pada makna.

- b. Harus melakukan *tarkīb al-qirā'āt* sekiranya tidak melanggar prinsip tatabahasa Arab dan tidak membawa kepada kerosakan makna. Sebagai contoh, seorang pembaca menyebut dengan *sukūn* pada huruf ha (هو) dan pada kalimah yang sama pada tempat seterusnya dengan *dammah* huruf ha atau membaca *idgham* atau *izhar* huruf *ra* ke dalam huruf *lam* (نغفرلكم) secara tidak konsisten dengan satu bacaan dan sebagainya. Maka *tarkīb* jenis adalah harus.

Walau bagaimanapun, umat Islam sangat digalakkan malah dituntut untuk menimba ilmu dan sentiasa meningkatkan pengetahuan terhadap disiplin bacaan al-Quran dengan riwayat yang menjadi kebiasaan pada sesuatu negeri atau tempat. Di Malaysia khususnya, bacaan riwayat Hafs menjadi bacaan utama dan tersebar luas di negara ini. Maka umat Islam di negara ini harus meningkatkan pengetahuan tentang disiplin dalam bacaan riwayat Hafs. Menjadi tanggungjawab setiap umat Islam memelihara *turath* atau tinggalan ilmu yang telah disusun atur oleh para ulama yang mendahului kita.

8.0 PENUTUP

Secara tuntasnya, artikel ini telah merungkai wacana ilmiah yang kompleks dalam kalangan ulama silam dan kontemporari mengenai hukum *tarkīb al-qirā'āt*. Dapatan utama kajian ini menzahirkan bahawa tidak wujud satu pandangan yang seragam, sebaliknya terdapat spektrum pendapat yang terbahagi kepada tiga kategori utama: pengharusan bersyarat, larangan, dan pendekatan tafsili (terperinci). Golongan yang mengharuskannya berpegang pada prinsip *tausī'ah* (keluasan) bahawa semua qiraat yang sahih merupakan wahyu, manakala golongan yang melarangnya lebih menekankan kepentingan memelihara integriti setiap rantaian periwayatan (*riwayah*). Namun, pendekatan tafsili yang membezakan antara konteks tilawah umum dengan periwayatan formal, serta mensyaratkan bahawa amalan *tarkīb* tidak boleh sehingga mencacatkan struktur nahu atau mengubah makna ayat, dilihat sebagai pandangan yang paling komprehensif. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa keabsahan amalan *tarkīb* amat bergantung pada konteks, ilmu, dan niat pembaca, sekali gus menggarisbawahi keperluan untuk mendalami disiplin *'ulūm al-Qur'ān* secara teliti demi menjaga keaslian dan kesucian Kalam Allah.

CONFLICT OF INTEREST / KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

ACKNOWLEDGEMENT/ PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Al-Bukharī, Muḥammad bin Isma'īl. (t.th). *al-Tārīkh al-Kabīr*. Haider Abad: Dā'irah al-Ma'ārif Uthmāniyyah.
- Al-Hādī Qābah, 'Abd al-Ḥalīm. (1999). *al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah, Tārīkhuhā, Thubūtuhā, Ḥujjiyatuhā, Aḥkāmuhā*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islāmiyy.
- Al-Sakhawī, A. b. (1999). *Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- Al-Suyūṭī, J. (2004). *Al-Iqān fī 'Ulūm al-Qur'ān* (ed. M. M. al-Khalīl). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.



- Al-Uqayli, M.Ab. Fattah. (t.th). *Hukm Tarkīb al-Qirā'āt*. T.tp.
- Ibn al-Jazarī. (1998). *Al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr* (M. al-Sa'dī, Ed.). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manzūr. (1990). *Lisān al-'Arab (Jilid 5)*. Dar Şādir.
- Ikmal Zaidi & Syahir Nzly (2022). *Aplikasi Qasr al-Munfasil dalam Tilawah al-Quran*. In Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (pp. 172-177). Selangor: Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor.
- Muhammad 'Ali al-Dhabba'. (2007). *Sharīh al-Nas fī al-Kalimat al-Mukhtalaf fīha 'an Hafṣ*. Tanta: Dar al-Sahabah Li al-Turath.
- Salim, M. A. (2022). *Qira'ah, Riwayah, Thariq Dan Wajh Dalam Variasi*, (Studi Sample Riwayat Hafsh dari Imam Ashim). *El-Mu'jam: Jurnal Kajian Al Qur'an dan Al-Hadis*, Vol 2. No. 1, 1-13.
- Ummi Kalson & Zainora Daud. (2023). Kesignifikan Qiraat Jamak dalam Pengajian Qiraat: Satu Sorotan Literatur. *Islamic Science Social Post Graduate Conference 2023* (pp. 82-86). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).